

## Pengaruh Pengurusan Risiko Kepada Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana: Pendekatan ERM

Sajiah Yakob<sup>1</sup>, Azahari Ramli<sup>1</sup>, Muhammad Shukri Bakar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Pengurusan, Universiti Utara Malaysia

adlina82@gmail.com, arie@uum.edu.my, shukribakar@uum.edu.my

### ABSTRAK

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah satu sektor yang merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Sumbangan PKS ini boleh dilihat dari pelbagai sudut antaranya ialah sumbangan kepada Keluaran Negara Kasar (KDNK) sesebuah negara, menawarkan peluang-peluang pekerjaan, mempelbagaikan produk-produk di pasaran, mewujudkan persaingan, memperbanyakkan idea-idea baru dan lain-lain lagi. Namun begitu, prestasi sektor ini masih lagi menjadi satu topik perbincangan dalam kalangan para ilmuan mahupun para pengamal industri. Hal ini demikian kerana sektor ini belum mencapai tahap prestasi yang membanggakan. Keadaan ini merupakan satu perkara yang amat membimbangkan. Kajian konseptual ini akan cuba untuk mengupas prestasi PKS bersandarkan kajian-kajian lepas dari pendekatan Pengurusan Risiko Bersepadu (ERM). Dicadangkan bahawa penekanan yang sewajarnya harus diberikan kepada aspek pengurusan risiko dalam usaha meningkatkan prestasi PKS di Malaysia.

**Kata kunci:** Prestasi, PKS, Pengurusan risiko

### 1.0 PENGENALAN

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berperanan penting dalam pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara. Cunningham dan Rowley (2007) mengatakan bahawa PKS penting sebagai satu sektor yang menawarkan sumber pekerjaan serta memaksimumkan kecekapan peruntukan sumber (Mahmood dan Hanafi, 2013). Selain itu, sumbangan utama sektor PKS ini adalah terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sesebuah negara. Menurut Asri dan Zaimah (2012), PKS merupakan pemangkin utama kepada pembangunan ekonomi negara dan hampir 99.2 peratus peniaga di Malaysia adalah usahawan PKS. Sumbangan PKS kepada KDNK negara pula adalah sebanyak 32 peratus.

Sektor PKS merupakan satu sektor yang mempunyai potensi besar untuk dikukuhkan sekaligus dapat memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara. Namun sektor PKS merupakan satu sektor yang masih dianggap kurang berjaya. Malah ada di antara usahawan PKS yang terpaksa keluar dari perniagaan hanya setelah beberapa tahun menjalankan operasi. Verbano dan Venturini (2013) melaporkan 68 peratus daripada semua PKS di Amerika Syarikat keluar daripada perniagaan bagi tempoh 5 tahun, manakala 19 peratus yang masih kekal dalam perniagaan mereka daripada 6 hingga 10 tahun dan hanya 13 peratus yang bertahan lebih daripada 10 tahun. Walau bagaimanapun, di Kenya 3 daripada 5 buah perniagaan gagal dalam tempoh 5 bulan beroperasi (Kamunge, Njeru dan Tirimba, 2014).

## 2.0 PRESTASI PKS

Walaupun sumbangan sektor PKS dilihat adalah agak memberangsangkan di Malaysia, namun secara keseluruhan prestasi firma-firma PKS yang sedang beroperasi kini masih belum lagi mencapai tahap potensi yang sepenuhnya (Mohd Khairuddin, 2005). Justeru itu, adalah tidak menghairankan isu prestasi firma PKS telah sekian lama menjadi satu topik yang popular bagi penyelidik-penyeleidik terdahulu dan masa kini. Prestasi dilihat sebagai keupayaan firma untuk menjana keuntungan dankekayaan melalui perniagaan, justeru pengukuhanya adalah matlamat utama sesebuah firma PKS (Madrid-Guijarro, Auken dan Garcia, 2007). Oleh itu, memeriksa dan memantau prestasi adalah perkara penting bagi firma PKS supaya langkah-langkah sewajarnya boleh diambil bagi memastikan prestasi berada pada tahap yang memuaskan dan kelangsungan masa depan firma seterusnya adalah terjamin (Najmi, Rigas dan Fan, 2005).

Menurut Dollinger (2003) dan Akinruwa, Awolusi dan Ibojo (2013), prestasi firma boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor sama ada berbentuk dalaman atau luaran sesebuah perniagaan. Walaupun faktor-faktor di persekitaran luaran juga banyak mempengaruhi kegagalan atau kejayaan sesebuah perniagaan, ramai pengkaji berpandangan bahawa faktor-faktor dalaman adalah lebih penting dan menjadi faktor utama dalam menentukan prestasi firma (Dollinger, 2003; Stoke dan Wilson, 2006).

## 3.0 RISIKO DAN PKS

Dalam menjalani operasi seharian, PKS berdepan dengan pelbagai cabaran-cabaran dan kekangan berpunca daripada perubahan yang berlaku pada faktor-

faktor persekitaran. Cabaran-cabaran ini dilihat sebagai satu risiko kepada prestasi PKS (Yaakub dan Mustafa, 2015). Menurut Terungwa (2012), risiko-risiko yang dihadapi adalah seperti masalah aliran tunai, kehilangan pelanggan, risiko pemasaran, bencana, banjir, tindakan dari pesaing, kos gaji dan sebagainya. Oleh itu, keupayaan PKS untuk mengenal pasti dengan teliti risiko yang dihadapi serta mengambil langkah-langkah yang berkaitan untuk menguruskan risiko adalah sangat penting. Tambahan lagi, PKS disifatkan sebagai sebuah entiti yang tidak berupaya untuk menyerap kebanyakan risiko dan ketidakpastian yang dihadapi oleh PKS (Yusuf dan Dansu, 2013).

Bagi menghadapi permasalahan risiko dan ketidakpastian, pengurusan risiko secara efektif merupakan salah satu jalan penyelesaian. Menurut Shima et. al., (2013) firma boleh mencapai objektif firma dan akhirnya meningkatkan nilai pihak-pihak yang berkepentingan apabila risiko diuruskan secara efektif. Pengurusan risiko yang berkesan telah diterima secara meluas sebagai satu teras kepada kejayaan sesebuah firma tidak kira saiz ataupun industri yang diceburi. Kes-kes kegagalan firma, skandal korporat dan perilaku frod adalah antara sebab-sebab lain bagi firma untuk menjalankan program pengurusan risiko (Manab dan Ghazali, 2013). Oleh itu, bagaimana untuk menguruskan risiko dan bagaimana memahami sifatnya menjadi keutamaan kepada firma masa kini (Lukianchuk, 2015).

Afipudin (2015) mengatakan risiko selalunya dianggap sebagai satu perkara yang tidak baik, namun risiko tidak semestinya bersifat demikian. Walaupun banyak pihak menyatakan risiko sebagai ancaman kepada firma, jika risiko diuruskan dengan baik, risiko boleh dianggap sebagai satu peluang (Zohoori, 2013). Daripada definisi-definisi di atas, risiko boleh ditakrifkan sebagai satu perkara yang berlaku atau mungkin tidak berlaku dan ianya boleh membawa kepada kerugian atau peluang.

Menurut Anton (2011), kebanyakan PKS menghadapi risiko kewangan. Sebagai contoh, risiko kegagalan atau kelewatan pelanggan membayar hutang, risiko pertukaran asing, masalah kewangan dunia, masalah kredit serta peningkatan dalam kos modal. Sharifi (2014) juga mempunyai pendapat yang sama dan mengatakan bahawa kebanyakan risiko yang dihadapi PKS adalah risiko kewangan.

Selain risiko kewangan, PKS juga berhadapan satu risiko operasi. Risiko ini memberikan satu cabaran kepada PKS dalam menjalankan operasi perniagaan. Takrifan risiko operasi menurut Mohd. Yusri dan Aishah (2013) adalah risiko yang wujud dari beberapa situasi seperti proses dan aktiviti dalaman perniagaan, kekurangan pekerja, pentadbiran dalaman yang lemah dan kegagalan

menjalankan operasi perniagaan kesan daripada faktor luaran. Risiko operasi boleh dinyatakan sebagai satu risiko yang tidak dapat diduga seperti kemalangan, bencana alam, pekerja mahir berhenti dan sabotaj. Walau bagaimanapun, risiko yang melibatkan output firma, perkara-perkara yang berkaitan kesihatan dan keselamatan, pekerja-pekerja serta undang-undang juga turut diklasifikasikan sebagai risiko operasi (Baker dan Reid, 2005).

Risiko strategik juga boleh diklasifikasikan sebagai satu risiko yang sering dihadapi oleh sektor PKS ini. Verbano dan Venturini (2013) merujuk risiko strategik sebagai risiko yang berkait dengan reputasi perniagaan seperti publisiti yang kurang baik, penipuan, persaingan yang tidak sihat, permintaan pelanggan, budaya, demografi, sosial dan politik, dan inovasi. Selain itu, menurut Miller (1992), risiko strategik adalah risiko yang menghalang sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat kewangan dan operasi, manakala persaingan, polisi, reputasi dan inovasi teknikal juga merupakan elemen-elemen dalam risiko strategik (Brancia, 2010).

Walau bagaimanapun, bagi firma besar yang mempunyai pelbagai keupayaan serta kapasiti yang lebih baik, risiko-risiko ini dapat ditangani dan diuruskan dengan baik. Namun, bagi firma yang dikategorikan sebagai PKS, berhadapan dengan risiko mungkin merupakan satu situasi yang sangat sukar. Risiko-risiko ini pula jika tidak diuruskan dengan berkesan boleh mengakibatkan kerugian kepada PKS. Panigrahi (2012) menyatakan risiko perlu diuruskan dengan sebaik mungkin supaya firma mendapat kebaikan daripadanya. Sebaliknya, jika tidak diuruskan dengan baik, risiko membawa kepada masalah kewangan dan kebankrapan.

### **3.1 Pengurusan Risiko dan Pengurusan Risiko Bersepadu**

Menurut Baker dan Reid (2005), pengurusan risiko merujuk kepada kelakuan atau tingkah laku pekerja dalam organisasi. Bagi Lim (2003), beliau telah mentakrifkan pengurusan risiko sebagai satu proses sistematik untuk mengenal pasti dan menilai risiko yang mungkin dihadapi oleh individu atau organisasi dan kemudian memilih serta melaksanakan teknik pengendalian risiko yang paling sesuai untuk mengawasi risiko yang telah dikenal pasti selaras dengan matlamat dan objektif individu atau organisasi tersebut.

Pengurusan risiko juga boleh didefinisikan sebagai satu pendekatan yang sistematis dengan menjangkakan kerugian yang mungkin berlaku untuk membentuk dan melaksanakan prosedur-prosedur yang sesuai untuk meminimakan jumlah kerugian atau kesan kewangan daripada kerugian tersebut (Hendon, Rubayah dan Hamid, 2006). Justeru itu, boleh disimpulkan bahawa

perlaksanakan strategi pengurusan risiko boleh menyebabkan firma menggunakan sumber-sumber dengan cekap dan membolehkan pulangan dimaksimakan.

Pengurusan risiko bermula dengan satu pendekatan yang dinamakan *Traditional Risk Management* (TRM). TRM ini melihat risiko sebagai satu elemen tunggal ataupun dikenali dengan nama “*silo*”. Dalam pendekatan TRM ini, setiap risiko adalah berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain dalam sesebuah organisasi. Secara ringkasnya, TRM merupakan satu pendekatan di mana sesuatu risiko diuruskan oleh jabatan yang bertanggungjawab (Simona-Iulia, 2014). Justeru, TRM adalah satu teknik menguruskan risiko dengan kaedah “*silo-based*”. Menurut Connair (2013), “*silo-based*” ini bermaksud beberapa jabatan dalam sebuah firma dan tidak akan berkongsi maklumat dengan jabatan yang lain (Kerstin et. al, 2013). Tahir dan Razali (2011) berpendapat risiko boleh berlaku dalam pelbagai perspektif dan ini menunjukkan bahawa risiko tidak boleh diurus secara berasingan. Risiko perlu diintegrasikan secara menyeluruh dan ini merupakan faktor utama kepada kemunculan satu pendekatan lain untuk menguruskan risiko, iaitu Pengurusan Risiko Bersepadu (ERM; *Enterprise Risk Management*).

Objektif ERM adalah menguruskan risiko secara menyeluruh. Konsep asas ERM menurut McShane, Nair dan Rustambekov (2011) merupakan, “*the aggregating of risks into portfolios, then hedging the residual risk, which is more efficient and value maximizing than dealing with each risk independently*”. Mike (2005) mendefinisikan ERM sebagai suatu pendekatan yang sistematik dalam menguruskan risiko. Beliau juga mengatakan, jika strategi pengurusan risiko yang diguna pakai adalah efektif, ianya akan menjadikan objektif organisasi tercapai dan seterusnya dapat mencipta nilai untuk pihak-pihak berkepentingan (Yazid et. al., 2008).

Terdapat juga badan-badan berkaitan yang memberi takrifan mengenai ERM. Antara yang popular adalah *Committee of Sponsoring Organizations of Treadway Commission* (COSO). COSO (2004) mentakrifkan ERM sebagai “*a process, affected by an entity's board of directors, management and other personnel, applied in strategy setting and across the enterprise, designed to identified potential events that may affect the entity and manage risks to be within its risk appetite, to provide reasonable insurance regarding the achievement of entity objectives*”. Daripada definisi-definisi di atas, boleh dirumuskan bahawa ERM adalah satu pendekatan yang digunakan oleh sesebuah organisasi bertujuan untuk menguruskan risiko-risiko yang dihadapi dengan cekap supaya ianya boleh menyebabkan matlamat organisasi tercapai. Justeru, ERM mengambil pendekatan mengurus risiko secara menyeluruh.

## 4.0 PENGURUSAN RISIKO DAN PKS

Selepas krisis kewangan yang melanda Amerika Syarikat pada tahun 2007, firma-firma mula menyedari ERM sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah kerumitan ekonomi. Banyak firma telah mula beralih kepada pendekatan ERM (Giorgio et. al., 2013). ERM mula menjadi satu strategi firma untuk menguruskan risiko-risiko yang dihadapi dan sekaligus dapat meningkatkan prestasi firma. Oleh itu, terdapat beberapa penyelidik yang telah membuat kajian untuk melihat perlaksanaan ERM ini dan hubungannya dengan prestasi firma.

Kajian yang dilakukan ke atas firma-firma di Bursa Saham India mendapati firma yang mengamalkan ERM telah meningkatkan nilai firma mereka (Arpita, G., 2013). Walau bagaimanapun, satu kajian lain yang dibuat ke atas firma insuran di Amerika mendapati ERM memberikan kesan yang positif ke atas nilai firma (Hoyt, Moore dan Lienbenberg, 2008). Selari dengan satu kajian yang dijalankan ke atas firma insurans di China juga menunjukkan hubungan yang positif antara ERM dan nilai firma (Li, Wu, Ojiako, Marshall dan Chipulu, 2013). Kajian oleh Gordon, Loeb dan Tseng (2009) juga menunjukkan hubungan yang positif antara ERM dengan nilai atau prestasi firma.

Dapatan dari kajian-kajian di atas menunjukkan bahawa ERM memberi kesan yang positif dalam peningkatan prestasi firma dan ini tidak terkecuali dalam konteks PKS. Menurut Charles (2012), PKS perlu menggunakan sistem pengurusan risiko bersepadan bagi menjamin kelangsungan perniagaan. Kajian tersebut telah menggunakan sampel 120 buah PKS di Sub-Sahara Afrika. Berdasarkan Wilderman (2005), perlaksanakan sistem pengurusan risiko menjadi penting kepada kelangsungan firma kerana ianya memberi kesan kepada keupayaan untuk menerima kredit daripada bank. Kajian yang dibuat ke atas PKS di Negeria menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara risiko perniagaan dan kelangsungan. Kajian ini juga membuktikan hubungan yang negatif antara risiko perniagaan dengan prestasi PKS. Hal ini menunjukkan jika PKS menguruskan risiko dengan baik, maka prestasi akan menjadi lebih baik dan seterusnya menjadikan PKS lebih bertahan di dalam pasaran (Yusuf dan Dansu, 2013).

Daripada analisis yang dibuat dari kajian-kajian lepas menunjukkan ERM boleh meningkatkan nilai serta prestasi sesebuah perniagaan tidak kira firma besar maupun PKS. Strategi pengurusan risiko yang dijalankan dapat memberikan faedah kepada sesebuah organisasi. Justeru itu, setiap usahawan PKS perlu lebih sensitif terhadap risiko-risiko yang dihadapi oleh perniagaan mereka. Malah usahawan PKS perlu mempunyai pengetahuan yang menyeluruh berkaitan strategi pengurusan risiko supaya strategi pengurusan risiko yang dijalankan itu memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan prestasi perniagaan PKS.

Perlaksanaan pengurusan risiko diharapkan dapat menjadikan PKS sebuah entiti perniagaan yang dapat bersaing dengan perniagaan yang lainnya.

## 5.0 KESIMPULAN

Sepertimana firma besar, PKS tidak dapat lari dari berdepan dengan risiko-risiko perniagaan. PKS perlu mengambil inisiatif serta tindakan yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko supaya iaanya memberikan manfaat kepada prestasi firma. ERM dilihat sebagai satu pendekatan yang sesuai untuk menguruskan risiko. Hal ini demikian kerana pendekatan ERM merupakan satu strategi mengurus risiko yang lebih berkesan dan komprehensif. Walau bagaimanapun, perlaksanaan ERM dalam konteks PKS masih menjadi tanda tanya.

Keadaan ini berlaku disebabkan belum ada pihak yang mengambil inisiatif untuk mengkaji hubungan antara ERM dengan prestasi PKS terutamanya di Malaysia. Dapatkan kajian yang dilakukan di firma besar seperti firma yang tersenarai di bursa saham, di sektor insurans atau sebagainya seperti yang dinyatakan tadi tidak dapat dijadikan sandaran untuk mengandaikan secara empirikal bahawa ERM membantu ke arah peningkatan prestasi PKS. Justeru itu, kajian berkaitan hal ini perlu dilakukan dan dibuktikan secara saintifik supaya pengetahuan yang tepat dan betul dapat digunakan oleh PKS untuk meningkatkan prestasi firma masing-masing.

## RUJUKAN

- Akinruwa, T. E., Awolusi, O. D., & Ibojo, B. O. (2013). Determinants of Small and Medium Enterprises (SMEs) Performance in Ekiti State, Nigeria: A Business Survey Approach. *European Journal of Humanities and Social Sciences Vol, 27(1)*.
- Anton, S. G. (2011). A Survey Study Regarding Risk Perception and Financial Risk Management Practices Adopted by the Small and Medium Enterprises within the North-East Region of Romania. *Annals of Eftimie Murgu University Resita, Fascicle II, Economic Studies*.
- Arpita, G. (2013). *An Empirical Investigation into Enterprise Risk Management in India: Working paper Series*, Indian Institute of Management Calcutta.
- Apifudin, A. Risiko & Struktur Pembahagian Risiko (SPR) Dalam Projek Pembinaan. (2005).
- Asri & Zaimah, D. (2012). Transformasi Dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru. *PROSIDING PERKEM VII, JILID 1*, hlm. 696-708.

- Baker, W. & Reid, H. (2005). *Identifying and Managing Risk*. Malaysia: Pearson Education Australia.
- Brancia, A. (2011). SMES risk management: an analysis of the existing literature considering the different risk streams. *8th AGSE International Entrepreneurship Research Exchange*, 225-239.
- Charles, M. R. (2012). Risk Factors Influencing the Survival of Strategic Alliances: Evidence from Kenya. *International Journal of Management and Marketing Research*, 5(2), 77-88.
- COSO (Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission). (2004). *Enterprise Risk Management — Integrated Framework*. America.
- Dollinger, M. J. (2003). *Entrepreneurship: Strategies and Resources* (3<sup>rd</sup> ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Giorgio, S. B., Elisa, C. & Gloria, G. (2013). The Effect of the Enterprise Risk Management Implementation on the Firm Value of European Companies. Università Ca' Foscari Venezia. The Department of Management
- Gordon, L., Loeb, M., & Tseng, C. (2009): Enterprise Risk Management and Firm Performance:A Contingency Perspective, *Journal of Accounting and Public Policy* 28(4), 301-327
- Hendon R., Yakob, R. & Hamid, M. A. (2006). *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans* (Bab 1: Risiko) Prentice Hall, Pearson Malaysia.
- Hoyt, R. E., & Liebenberg, A. P. (2008, April). The value of enterprise risk management: Evidence from the US insurance industry. In *unpublished paper, accessed at: [http://www.aria.org/meetings/2006papers/Hoyt\\_Liebenberg\\_ERM\\_070606.pdf](http://www.aria.org/meetings/2006papers/Hoyt_Liebenberg_ERM_070606.pdf).*
- Kamunge, M. S., Njeru, A., & Tirimba, O. I. (2014). Factors Affecting the Performance of Small and Micro Enterprises in Limuru Town Market of Kiambu County, Kenya. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 4(12)
- Kerstin, D., Simone, O. & Nicole, Z. (2014). Challenges in Implementing Enterprise Risk Management: *Journal of Finance and Risk Perspectives* 3: 3, pp. 1 – 14.
- Lim, C. C. (2003). *Pengurusan Risiko & Insurans*. UUM Press
- Li, Q., Wu, Y., Ojiako, U., Marshall, A., & Chipulu, M. (2014). Enterprise risk management and firm value within China's insurance industry: original research. *Acta Commercii*, 14(1), 1-10.
- Lukianchuk, G. (2015). The impact of enterprise risk management on firm performance of small and medium enterprises. *European Scientific Journal*, 11(13).
- Manab, N. A., & Ghazali, Z. (2013). Does Enterprise Risk Management Create Value. *Journal of Advanced Management Science* 1(4).

- McShane, M. K., Nair A., and Rustambekov, E. (2011). Does Enterprise Risk Management Increase Firm Value? *Journal of Accounting, Auditing and Finance*, 26(4)
- Madrid-Guijarro, A., Auken, H. V., & Garcia, D. (2007). An analysis of factors impacting performance of Spanish manufacturing firms. *Journal of Small Business and Entrepreneurship*, 20(4), 369-386.
- Mahmood, R., & Hanafi, N. (2013). Entrepreneurial orientation and business performance of women-owned small and medium enterprises in Malaysia: Competitive advantage as a mediator. *International Journal of Business and Social Science*, 4(1).
- Mohd Khairuddin, H. (2005). Small and Medium-sized Enterprises in Malaysia: Problems and Prospects. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Yusri, H. & Aisyah, A. R. (2013). Pengamalan Pengurusan Risiko Kredit serta Hubungan Terhadap Kesan Kecekapan di Institusi Perbankan dan Kewangan Malaysia. PROSIDING PERKEM VIII, JILID 3, hlm. 1375 - 1400.
- Najmi, M., Rigas, J., & Fan, I. S. (2005). A framework to review performance measurement systems. *Business Process Management*, 11(2), 109-122.
- Panigrahi, A.K. (2012). Risk Management in Micro, Small and Medium Enterprise (MSMEs) in India: A Critical Approach, *Asia Pacific Journal of Marketing & Management Review*, 1(4)
- Simona-Iulia, C. (2014). Comparative Study Between Traditional and Enterprise Risk Management—A Theoretical Approach. *The Annals of the University Of Oradea*, 274.
- Sharifi. (2014). Financial Risk Management for Small and Medium Sized Enterprises. *International Journal of Information, Business and Management*, 6(2).
- Shima, N., Mahmood, Z., Happy, A. M. M. & Akbar, A. (2013). Enterprise risk management and performance in Malaysia. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* 5(1), 671-707.
- Stokes, D. & Wilson, N. (2006). *Small Business Management and Entrepreneurship*. South-Western Cengage Learning: DP Publications.
- Tahir, I. M., & Razali, A. R. (2011). The relationship between enterprise risk management (ERM) and firm value: Evidence from Malaysian public listed companies. *Management*, 1(2), 32-41.
- Terungwa, A. (2012). Risk management and insurance of small and medium scale enterprises (Smes) in Nigeria. *International Journal of finance and Accounting*, 1(1), 8-17.
- Verbano, C. & Venturini, K. (2013). Managing Risks in Smes: A Literature Review and Research Agenda. *Journal of Technology Management and Innovation*, 8(3), 186-197

- Yazid, A. S., Wan Daud, W. N., & Hussin, M. R. (2008). Enterprise Risk Management (ERM) Practices among Government-Linked Companies (GLCs) in Malaysia. *Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)*.
- Yaakub, S., & Mustafa, H. K. (2015). Supply Chain Risk Management for the SME's. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 4(1 S2), 151.
- Yusuf, T.O. & Dansu, F. S. (2013). SME, Business Risks and Sustainability in Nigeria, *European Journal of Business and Social Sciences*, 2(9).
- Zohoori, M. (2013). Enterprise Risk Management and Performance in Malaysia. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 5(1), 670.